KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

LARIAN LADANG

## 1.0 PENGANJURAN &PENGELOLAAN

**1.1** Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

## 2.0 PERATURANAM

**2.1** Peraturan ini adalah di bawah peraturan-peraturan KOAM.

**2.2** Jika timbul perselisihan penafsiran, undang-undang semasa akandigunapakai.

**2.3** Sebarang kejadian dan perselisihan akan diputuskan berdasarkankepada:

2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal danPertandingan.

2.3 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandinganadalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohananini.

2.4 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN.

2.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

## 3.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA

**3.1** Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **sepuluh (10) orang** peserta.

**3.2** Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

**3.3** Hanya peserta berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

**3.4** Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara11.**

**3.5** Semua peserta hendaklah hadir ke tempat permulaan **tiga puluh (30) minit** awal sebelum larian bermula.

**3.6** Pengurus pasukan atau ketua pasukan mestilah menyerahkan borang pendaftaran peserta kepada JawatankuasaT eknikal dan Pertandingan **tiga puluh (30) minit** sebelum perlawanan bermula.

## 4.0 ACARA YANG DI PERTANDINGKAN

**4.1** Kategori yang dipertandingkan adalah:

**4.1.1** Lelaki Terbuka – 4 Orang

**4.1.2** Lelaki Veteran (45 tahun ke atas) – 3 Orang

**4.1.3** WanitaTerbuka – 3 Orang

**4.2** Jarak larian:

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.2.1** | Lelaki Terbuka | - | 5,000 meter |
| **4.2.2** | Lelaki Veteran | - | 4,000 meter |
| **4.2.3** | Wanita Terbuka | - | 3,000 meter |

**4.3** Kiraan Mata Individu:

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.3.1** | **Pemenang Pertama** | **-** | **8mata** |
| **4.3.2** | **Pemenang Kedua** | **-** | **5mata** |
| **4.3.3** | **Pemenang Ketiga** | **-** | **3mata** |
| **4.3.4** | **Pemenang Keempat hingga Kesepuluh** | **-** | **2 mata** |

## 5.0 CARA PERTANDINGAN

**5.1** Kejohanan ini adalah merupakan acara berpasukan.

**5.2** Peserta-peserta yang mewakili acara ini dipecahkan mengikut kategori dan mata terkumpul adalah untuk berpasukan.

**5.3** Kontinjen masih layak meneruskan larian walaupun tidak mencukupi perserta dari setiap kategori. Namun, jumlah penyertaan **MAKSIMUM** hanya dibenarkan mengikut setiap kategori seperti perkara 4.1

**5.4** Pertandingan untuk acara ini dibatalkan jika penyertaan dari kontinjen adalah kurang dari had minima yang ditetapkan seperti didalam Peraturan Am.

## 6.0 PEMBERIAN MATA DAN PENETUAN KEMENANGAN

**6.1** Pemenang akan ditentukan melalui campuran markah bagi setiap kategori mewakili jabatan dan agensi yangbertanding.

**6.2** Mata yang diberi kepada peserta ini adalah didasarkan kepada kedudukan mereka semasa sampai di garisan penamat. Pasukan yang mengumpul jumlah mata terbanyak akan dikira sebagaipemenang.

**6.3** Jika seri dalam jumlah mata, maka ianya akan diselesaikan mengikut peraturan KOAM.

## 7.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

**7.1** Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

## 8.0 PENGADIL

**8.1** Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.

**8.2** Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikaldan Pertandingan.

## 9.0 DISIPLIN PASUKAN

**9.1** Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.

**9.2** Lain-lain adalah sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am.

## 10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

**10.1** Sila rujuk **Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22** dan **Perkara23.**

## 11.0 JADUAL PERLAWANAN

**11.1** Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

## 12.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

**12.1** Sila rujuk **Peraturan Tetap Perkara 12.**

## 13.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Puan Norashikin |
| Jawatan | : | Pengurus Pertandingan Larian Ladang |
| No. H/P | : | 012-5666105 |
| emel | : | |

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Puan Faridah |
| Jawatan | : | Timbalan Pengurus Pertandingan Larian Ladang |
| No. H/P | : | 012 5622562 |
| emel | : | |

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | |
| Jawatan | : | Setiausaha Pertandingan Larian Ladang |
| No. H/P | : | |
| emel | : | |